

# Pelajar asing teruja kenali keunikan budaya Malaysia

**Kuala Lumpur:** Program Mobiliti Pelajar Antarabangsa (IMS) anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) memberi peluang kepada peserta dari luar negara mengenali lebih dekat kepelbagaian budaya, cara hidup dan adat resam yang dimiliki masyarakat negara ini.

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UPM, Prof Dr M Iqbal Saripan, berkata beliau percaya melalui program itu pelajar dapat memperoleh pengalaman serta mempelajari pelbagai perkara, termasuk daripada aspek bahasa, budaya serta membina rangkaian kenalan baharu di negara ini.

“Saya yakin program ini dapat menarik perhatian negara luar untuk mempunyai hubungan antarabangsa dengan UPM,” katanya ketika berucap pada majlis penyampaian

sijil dan meraikan peserta program berkenaan, di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Timbalan Pengarah Pusat Antarabangsa Putra (i-PUTRA) UPM, Prof Madya Dr Noritah Omar.

## Semangat toleransi

Seramai 383 pelajar dari 16 negara menamatkan Program IMS-UPM antaranya dari Australia, Austria, Belgium, Brunei, China, Finland, Perancis, Jerman, Indonesia, Jepun, Kazakhtan, Korea Selatan, Morocco, Thailand, Turki dan Amerika Syarikat.

Peserta program, Chen Zixuan dari Cangzhou Normal University, China, berkata beliau hanya mengambil masa beberapa hari sahaja untuk menyesuaikan diri di Malaysia.

“Pada mulanya agak sukar kerana saya perlu menyesuaikan diri dengan

negara yang majoriti rakyatnya beragama Islam, tetapi sikap peramah pelajar di sini membuatkan saya berasa gembira dan senang sepanjang tempoh saya berada di sini,” kata pelajar jurusan Komunikasi dan Bahasa Moden itu.

Pelajar Maghribi, Sophia Douhal, pula berpendapat program itu memberi peluang kepada dirinya untuk belajar banyak perkara mengenai budaya tempatan serta tertarik dengan semangat kerjasama dan toleransi yang ditunjukkan rakyat negara ini tanpa mengira bangsa dan agama.

“Rakyat Malaysia sangat peramah dan budaya yang pelbagai membuatkan saya tertarik untuk menerokai lebih mendalam mengenai budaya negara ini,” katanya yang mengambil jurusan Pengurusan dan Ekonomi.



**Peserta bergambar kenangan** selepas menamatkan Program Mobiliti Pelajar Antarabangsa (IMS) di UPM, baru-baru ini.